

Islam bukan hanya pada nama — PM

Oleh ZULKIFLEE BAKAR
dan NOR SEDEK ISMAIL

KUALA LUMPUR 27 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan umat Islam di negara ini jangan hanya pandai menyebut Islam itu sebagai ad-din tanpa mengamalkan nilai, cara dan ketertiban yang dituntut Islam dalam kehidupan seharian.

Perdana Menteri berkata, sering disebut bahawa Islam adalah ad-din atau cara hidup tetapi ia “tinggal di mulut sahaja” sedangkan ibadat yang diamalkan tidak sedikitpun mempengaruhi cara hidup umat Islam.

Bagi beliau, salah satu punca kegagalan orang Islam ialah kerana segala nilai mulia yang terdapat dalam ajaran Islam diketepikan sementara ibadat juga diasingkan daripada cara hidup.

Menurutnya, sejarah sudah pun membuktikan bagaimana empayar Islam yang penuh kege-

milangan suatu masa dahulu hancur dengan mudah apabila para pemimpinnya mengetepikan nilai-nilai mulia yang terdapat dalam cara hidup umat Islam kerana gilakan kuasa dan kemewahan hidup.

“Saya menyebut perkara ini sebagai latar belakang kepada perlunya kita semua dalam pentadbiran awam dan swasta memahami akan pentingnya nilai dalam menjayakan atau mengagalkan kita,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Perkhidmatan Awam di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini hari ini.

[Teks penuh di muka 6 dan lagi laporan di muka 3]

Dr. Mahathir berkata Malaysia tidak bercita-cita untuk mendirikan satu tamadun yang menggagalkan dunia.

“Kita hanya ingin melihat rak-

■ **Lihat muka 2**

Islam bukan hanya pada nama — PM

yat kita hidup aman damai dengan kemewahan dan kesenangan yang berpatutan, tidak lebih rendah daripada bangsa-bangsa lain yang maju.

“Kita ingin negara kita, bangsa kita, agama kita dihormati. Kita tidak ingin nasib malang seperti yang menimpa beberapa bangsa dan negara di dunia,” katanya.

Untuk mencapai cita-cita yang sederhana itu, kata Dr. Mahathir, rakyat perlu faham akan peranan nilai hidup, budaya dan tamadun.

“Nilai-nilai yang baik perlu kita kenal pasti dan kita amalkan dan nilai-nilai yang buruk kita hindarkan dan jauhkan.

“Nilai-nilai yang murni dan nilai-nilai yang buruk amallah banyak tetapi hampir semuanya diketahui umum walaupun masyarakat boleh mengadakan balasan baik kepada mereka yang berbuat baik dan menghukum mereka yang melakukan jenayah tertentu.

“Tetapi kebanyakan daripada amalan baik dan

buruk dalam masyarakat terpulang kepada individu. Merekalah yang perlu membuat pilihan,” katanya.

Perdana Menteri menarik perhatian, langkah kerajaan memperkenalkan dasar pandang ke timur bagi menerapkan etika kerja orang timur sebenarnya berkaitan dengan nilai baik yang boleh diterapkan.

Ini, katanya, jelas dengan peristiwa gempa bumi di Kobe bagaimana masyarakat Jepun menghadapi kejadian dahsyat yang telah meranapkan bandar itu dan Osaka dengan meragut beribu-ribu nyawa sementara lebih daripada suku juta manusia lagi kehilangan rumah tangga.

“Mereka ini sukar mendapat makanan dan minuman, tetapi masyarakat yang malang ini tenang, kedai-kedai yang runtuh dengan barangan yang bertaburan tidak dicuri oleh sesiapa.

“Sebaliknya di mana pedkai masih ada mereka cuba menjual barangan

mereka dengan harga yang murah kerana mengetahuhi mangsa gempa bumi tersebut telah kehilangan wang,” katanya.

Malah, kata Dr. Mahathir, mangsa-mangsa berkenaan juga tidak berebut-rebut untuk mendapat makanan yang sedikit yang diberi oleh badan kebajikan.

“Dan tidak ada yang mengeluh dan menuduh mana-mana pihak bersalah kerana malapetaka yang berlaku. Mereka semua ternampak sedih sedikit tetapi tidak marah kepada sesiapa. Demikian juga akhbar mereka tidak membuat tuduhan terhadap mana-mana pihak,” katanya.

Perdana Menteri berkata, jika Jepun yang kalah dengan teruknya dalam Perang Pasifik dapat membangun dan menubus kedudukan negara mereka di antara negara-negara yang termaju di dunia, sedikit sebanyak sebabnya adalah sifat-sifat dan nilai yang ditunjukkan oleh mereka semasa gempa bumi di Kobe.

“Sikap dan nilai-nilai hidup seperti inilah yang kita ingin pilih dan kembangkan di Malaysia,” katanya.

Dr. Mahathir juga menasihatkan kakitangan perkhidmatan awam dan swasta supaya sentiasa menepati masa.

“Jika masa tidak ditentukan dan dihormati, maka tidak akan ada kerja yang boleh dihasilkan ataupun dihasilkan dengan baik,” katanya.

Beliau menegaskan, pegawai awam atau swasta yang sengaja melewat-lewatkan kerja akan menghalang kejayaan sesuatu yang diusahakan, meningkatkan kos dan menyebabkan semua pihak menanggung beban yang tidak seharusnya ada.

“Pentadbiran negara dan perusahaan tetap tidak akan licin dan berjaya. Negara tetap tidak dapat dibangunkan dan bersaing dengan jayanya. Negara akan menjadi lemah dan dihina,” katanya.